

Premis makanan kotor diarah tutup

41 kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesalahan dalam operasi DBKL

Oleh Azhar Shahrulnizam
dan Alias Abd Rani
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebuah premis makanan beroperasi dalam keadaan jijik diarah tutup, manakala 41 lagi kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesalahan dike-
san Operasi Sepadu Bersih oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Dalam operasi itu, penguat kuasa DBKL melakukan pemeriksaan premis makanan di The Garden Mall dalam Parlimen Lembah Pantai; Jalan Radin 7 (Parlimen Seputeh); Jalan Menara Gading 1 (Parlimen Cheras) dan tingkat empat NU Sentral (Parlimen Bukit Bintang).

DBKL menerusi kenyataannya, berkata dalam operasi itu DBKL menyenaraikan 63 premis tetapi hanya 53 premis dapat diperiksa, manakala 10 lagi ditutup ataupun tidak beroperasi ketika pemeriksaan dibuat.

"Premis makan beroperasi dalam keadaan jijik itu diarah tutup mengikut Seksyen (11) Akta Makanan 1983.

"Selain itu, 41 kompaun dikeluarkan atas pelbagai kesalahan mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016, Undang-undang Kecil Pengendali Makanan 1979 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

"Ta membabitkan pelbagai kesalahan aspek kebersihan, petugas dan persekitaran premis yang dikenakan tindakan," katanya semalam.

DBKL berkata, tindakan seumpama ini akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan pengusaha premis makanan mematuhi kehendak kesihatan yang ditetapkan.

Sementara itu, di **Muar**, sebuah restoran tomyam yang menjadi tumpuan pelanggan di Jalan Salleh, di sini, diarah tutup



Keadaan sebuah premis yang kotor dan menjijikkan diperiksa dalam operasi DBKL di sekitar Kuala Lumpur, semalam. (Foto ihsan DBKL)

kerana mengabaikan tahap kebersihan, dengan najis katak dan cicak ditemukan berdekatan rak penyediaan makanan.

Selain restoran tomyam itu, lima lagi premis turut diarah tutup serta-merta mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1983 atas alasan sama.

Pegawai Kesihatan Daerah Muar, Dr Mohd Ridzuan Mohd Lutpi mengesahkan arahan itu

dikeluarkan susulan Operasi Bersepadu Premis Makanan Bersih yang dijalankan.

Jumpa najis katak, cicak

Beliau berkata, pemeriksaan pihaknya menemukan najis katak di bawah lantai rak simpanan barang berdekatan dapur, manakala najis cicak dijumpai di bawah rak penyediaan makanan dan peralatan digunakan

untuk memasak.

"Kita memeriksa 84 premis, namun enam daripadanya diarahkan tutup kerana tidak suci dan kotor.

"Secara keseluruhan sejumlah 92 Notis 32B dikeluarkan sepanjang operasi itu dengan nilai keseluruhan tawaran kompaun RM35,800.

"Ia membabitkan 83 Notis mengikut Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan (PPKM) 2009 atas pelbagai kesalahan, antaranya tidak mematuhi kehendak penyimpanan makanan, abaikan kebersihan dan tidak mematuhi kehendak pakaian pengendali makanan.

"Lima lagi Notis 32B dikeluarkan mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembaku (PPKHT) 2004 kerana gagal mempamerkan tanda larangan merokok, gagal memastikan tiada individu merokok dan merokok di kawasan larangan," katanya.

Mohd Ridzuan berkata, operasi bagi memastikan tahap kebersihan premis, pengendali dan penyediaan makanan berada dalam keadaan bersih dan selamat dimakan.